UPM
UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA
BERILMU BERBAKTI

JUBLI EMAS
PM 1971-2021

Al-Falah

Sederap Melangkah
Menuju al-Falah

NARATIF NAIB CANSELOR 2022

YANG HORMAT
PROFESOR DATO' DR.
MOHD ROSLAN
SULAIMAN

© Penerbit Universiti Putra Malaysia 2022

Hak cipta terpelihara. Mana-mana bahagian penerbitan ini tidak boleh dihasilkan semula, disimpan dalam sistem simpanan kekal,atau dipindahkan dalam sistem simpanan kekal, atau dipindahkan dalam sebarang bentuk atau sebarang cara elektronik, mekanik, penggambaran semula, rakaman dan sebagainya tanpa terlebih dahulu mendapat izin daripada pihak Penerbit Universiti Putra Malaysia.

Perpustakaan Negara Malaysia Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Mohd. Roslan Sulaiman, Prof., Dato', Dr.
Al-Falah : Sederap Melangkah Menuju Al-Falah: NARATIF NAIB CANSELOR 2022 / YANG HORMAT PROFESOR DATO' DR. MOHD ROSLAN SULAIMAN.
ISBN 978-967-2989-94-3
1. Universiti Putra Malaysia.
2. Universities and colleges--Malaysia--Selangor.
3. Education, Higher--Aims and objectives--Malaysia--Selangor.
4. Government publications--Malaysia.
I. Judul.
378.595115

Rupa Taip: Raleway
Saiz Teks: 9/13

Diterbitkan oleh:
Penerbit Universiti Putra Malaysia
43400 UPM Serdang, Selangor Darul Ehsan
Tel: 03-9769 8851/8429
Faks: 03-9769 3623
E-mel: penerbit@upm.edu.my
Laman web: https://penerbit.upm.edu.my

al-Falah

Sederap Melangkah
Menuju al-Falah

YANG HORMAT PROFESOR DATO' DR. MOHD ROSLAN SULAIMAN

FAKULTI EKOLOGI MANUSIA
B

KANDUNGAN / ASPIRASI

MUKADIMAH	7
IMBASAN PENCAPAIAN UPM 2021	11
SEDERAP MELANGKAH MENUJU AL-FALAH	16
KE ARAH PENGHAYATAN PELAN STRATEGIK UPM 2021-2025	18
MENAKHODA PERTANIAN DAN PUSAT RUJUKAN PENGEMBANGAN	20
MELAHIRKAN PELAJAR SEBAGAI SOSOK WARGANEGARA YANG BAIK	24
MEREALISASIKAN KAMPUS PINTAR	27
MEMARTABATKAN PENYELIDIKAN UNTUK NEGARA	29
MENJUARAI MISI UNIVERSITI UNTUK MASYARAKAT	32
MERANCAKKAN UPM GLOBAL	34
MENGEKALKAN REPUTASI UPM SEBAGAI UNIVERSITI PALING LESTARI	36
MEMUGAR CAKNA MENJULANG BAKTI	37
MEMPERHEBAT PRAKARSA KESEJAHTERAAN KAMPUS	38
MEMBINGKAS PENDANAAN UNIVERSITI	41
MELIBAT SAMA ALUMNI UNTUK KELANGSUNGAN UNIVERSITI	42
SAMBUTAN 50 TAHUN UPM	45
KENYATAAN DAN SERUAN	46
PENUTUP	48
SENARAI JAWATANKUASA PENYEDIAAN TEKS NARATIF NAIB CANSELOR TAHUN 2022	49
TAJUK: SERUAN AL-FALAH	52

PELAN STRATEGIK UPM 2021-2025

VISI
Menjadi Sebuah Universiti Bereputasi Antarabangsa

MISI
Memberi Sumbangan Bermakna kepada Pembentukan Kemakmuran dan Pembangunan Negara serta Kesejahteraan Manusia Sejagat Menerusi Penerokaan dan Penyebaran Ilmu

MATLAMAT PENDIDIKAN
Melahirkan Graduan Bitara yang Holistik, Ihsan, Patriotisme dan Berdaya Tahan

NILAI TERAS
Ihsan, Kepelbagaian dan Kelestarian

MATLAMAT 1
Melahirkan Watak Graduan Berdaya Tahan Mendepani Cabaran Mendatang

MATLAMAT 2
Mewujudkan Hab Penyelidikan dan Inovasi yang Menjanakan Nilai Berteraskan Ekosistem Lestari

MATLAMAT 3
Melestarikan Ekosistem Jaringan Industri dan Masyarakat

MATLAMAT 4
Memperkasakan Pertanian dan Ketahanan Sekuriti Makanan

MATLAMAT 5
Memperteguh Tadbir Urus Institusi, Kemampanan Kewangan dan Amalan Kelestarian Hijau

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan Salam Sejahtera.

Pertama sekali, sukalah saya melafazkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurnia dan izin-Nya, maka kita dapat bersama-sama hadir ke majlis Naratif Naib Canselor pada pagi Jumaat yang penuh barakah ini. Pada tahun lalu, saya menyampaikan naratif ini secara dalam talian buat julung kalinya kerana masih dalam situasi PKP. Alhamdulillah, pada tahun ini, Naratif Naib Canselor dapat kita adakan secara bersemuka, bertentang mata.

Saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada seluruh warga Universiti Putra Malaysia (UPM), terutama pegawai akademik, pegawai kumpulan profesional dan pengurusan, kumpulan pelaksana dan para pelajar yang berkesempatan mengikuti naratif, baik di dalam dewan ini mahupun dalam talian. Pada kesempatan ini juga, **saya ingin mengucapkan selamat menduduki peperiksaan akhir Semester Satu, Sesi Akademik 2021/2022 kepada semua pelajar. Pesan saya, jujurlah pada ilmu dan semoga kejayaan milik anda sekalian.**

Tahun 2021 telah pun berlalu dengan meninggalkan pelbagai kisah suka dan duka. Tidak dinafikan, tahun lalu membawa cabaran yang hampir sama dengan 2020. Kita masih dalam era pandemik COVID-19, dan hidup dalam pembudayaan norma baharu. Akan tetapi bak kata pepatah, "alah bisa, tegal biasa". **Kita berharap, 2022 dapat dijalani dengan semangat yang lebih membara dan bingkas mendepani cabaran dengan keberanian, bertepatan dengan tahun harimau, pada tahun ini.**

Kita berharap, 2022 dapat dijalani dengan semangat yang lebih membara dan bingkas mendepani cabaran dengan keberanian, bertepatan dengan tahun harimau, pada tahun ini.

UPM

Alhamdulillah, bulan lalu kita berjaya melaksanakan Majlis Konvokesyen ke-44 selepas terpaksa menunda hampir dua (2) tahun kerana pandemik COVID-19. **Pada kesempatan ini, saya menjunjung kasih yang tidak terhingga ke bawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Canselor, Sultan Sharafuddin Idris Shah Al-Haj Ibni Almarhum Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah Al-Haj atas perkenan Duli Tuanku berangkat ke Majlis Konvokesyen UPM ke-44 ini. Saya juga ingin merafak sembah tahniah kepada Duli Yang Teramat Mulia Raja Muda Selangor, Tengku Amir Shah Ibni Sultan Sharafuddin Idris Shah dan menzahirkan ucapan tahniah kepada Profesor Emeritus Dato' Dr. Ir. Muhamad Zohadie Bardaei yang dilantik sebagai Pro Canselor UPM yang baharu.**

Saya juga ingin mengucapkan sedalam-dalam terima kasih kepada Timbalan Naib Cancelor (Akademik dan Antarabangsa), dan semua petugas majlis konvokesyen atas dedikasi dan prakarsa yang diberikan untuk memastikan bahawa majlis dapat dilaksanakan dengan lancar. **Meskipun majlis konvokesyen UPM kali ini diadakan dengan SOP yang ketat tanpa kehadiran ibu bapa dan ahli keluarga, saya melihat sinar kegembiraan dan kelegaan pada wajah para graduan, termasuk para pensyarah. Tahniah saya ucapkan.**

TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN,

Naratif Naib Canselor pada tahun ini **ialah kesinambungan daripada naratif tahun lalu yang menyeru warga UPM menggema seruan al-Falah dari menara ilmu.** Dalam hal ini, UPM kita patrikan bukan lagi sebuah menara gading, tetapi **menara ilmu** yang terus menghubungkan kampus ini dengan masyarakat melalui penciptaan ilmu baharu, penyebaran dan pemindahan ilmu. Seiring dengan moto UPM, "Berilmu, Berbakti". Pada masa yang sama, **naratif ini juga bertitik tolak daripada Amanat Tahun Baharu oleh Menteri Pengajian Tinggi, Yang Berhormat Datuk Seri Dr. Noraini Ahmad. Hal ini termasuk Rangka Tindakan Kesejahteraan Pendidikan Tinggi IPT atau Sejahtera IPT** yang diketengahkan oleh beliau dalam memastikan kecemerlangan pendidikan tinggi terus dipacu dalam era pandemik COVID-19.

Kita berasa terpanggil dengan saranan Y.B. Menteri Pengajian Tinggi dalam amanat beliau, **agar IPT memberikan fokus kepada aspek pengurusan risiko, seperti komunikasi krisis dan komunikasi risiko berdasarkan Modul Komunikasi Krisis dan Risiko yang telah dibangunkan oleh sekumpulan penyelidik UPM.** Kita berharap, UPM dapat menjuarai agenda penting ini selain memastikan bahawa pengurusan risiko UPM sentiasa berada pada tahap terbaik dan lestari.

Sepanjang 2021, para penyelidik UPM terus merekodkan pelbagai lagi kejayaan dan pengiktirafan, sama ada peringkat nasional ataupun antarabangsa.

IMBASAN PENCAPAIAN UPM 2021

Kita sedia maklum bahawa tahun 2021 ialah tahun *vivere pericoloso*. Walaupun wabak COVID-19 memberikan kesan kepada segenap sektor penghidupan manusia, termasuklah sektor pendidikan tinggi negara, UPM masih terus dapat melakar pelbagai pencapaian yang cukup membanggakan sepanjang 2021. Pada kesempatan ini, saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan syabas kepada semua warga UPM yang sentiasa berdedikasi dan menunjukkan iltizam yang tinggi sehingga mencapai pelbagai kejayaan manis, meskipun berhadapan dengan cabaran norma baharu yang tidak kurang getirnya. Pesan Saidina Ali bin Abi Thalib, "Jangan biarkan kesulitan membuatmu gelisah. Kerana bagaimanapun juga, hanya pada malam yang paling gelap, bintang-bintang tampak bersinar lebih terang." Tuan-tuan dan puan-puan, warga UPM semua, telah terbukti menjadi bintang yang telah bersinar terang, meskipun negara berhadapan dengan kepayahan.

Mencorak kecemerlangan ialah tanggungjawab semua warga UPM, baik para akademia, staf bukan akademik, pelajar mahupun alumni. Kombinasi yang hebat inilah telah membantu melakar kejayaan sejak 50 tahun yang lalu, dan saya percaya, formula ini akan terus dicerna untuk memacu kegemilangan UPM pada masa hadapan. Sepanjang 2021, para penyelidik UPM terus merekodkan pelbagai lagi kejayaan dan pengiktirafan, sama ada peringkat nasional ataupun antarabangsa. Misalnya, seramai 21 orang penyelidik UPM telah diiktiraf sebagai *World's Top 2% Scientists* (*The Career Achievement*) bagi tahun 2021, di samping seramai 54 orang penyelidik pula telah diiktiraf sebagai *World's Top 2% Scientists* (Single Year Achivement) bagi tahun 2021. Ini merupakan hasil kerja bersama, sokongan dan pengorbanan semua lapisan warga kampus yang membolehkan sebahagian kita melonjak ke hadapan. Syabas warga UPM!

Di samping itu, UPM juga telah menerima anugerah berprestij '*Clarivate South and Southeast Asia Innovation Awards 2021*' kategori Institusi Akademik yang merupakan penerima tunggal dari Malaysia untuk kategori berkenaan. '*Clarivate South and Southeast Asia Innovation Awards*' merupakan pengiktirafan terhadap perusahaan komersial, organisasi penyelidikan, dan institusi akademik yang cemerlang di Asia Tenggara dan Asia Selatan. Kita juga berbangga apabila penyelidik UPM terus diiktiraf pada peringkat antarabangsa apabila penyelidikan YBhg. Prof. Datin Paduka Dr. Khatijah Mohd Yusoff menjadi perhatian peringkat antarabangsa apabila diterbitkan dalam *Wonderful Woman of History* terbitan DC Comic yang dikarang oleh Laurie Halse Anderson. Kecemerlangan beliau dalam bidang mikrobiologi dan virologi, mendapat pengiktirafan pihak DC untuk menampilkan inisiatif beliau dalam inovasi penyelidikan virus sampar ayam atau *Newcastle Disease* (ND).

Syabas dan tahniah juga diucapkan kepada YBhg. Prof. Dr. Mohd Zamri Saad yang mengetuai pasukan penyelidik sehingga membolehkan UPM dan Bio-Angle Vacs Sdn. Bhd. berjaya mengkomersialkan Vaksin STVac7 (untuk mencegah jangkitan Pneumonia pada kambing dan biri-biri) dengan nilai paten sebanyak RM4 juta. Kejayaan ini membawa manfaat yang besar dari sudut memperkukuh kedudukan universiti dalam penyelidikan serta mempromosikan teknologi dan kepakaran UPM kepada pihak luar.

Rancangan Malaysia ke-12 (RMK-12) memberikan penekanan kepada aktiviti mobiliti akademik dalam usaha memperkaya pengalaman akademia melalui pemindahan ilmu berasaskan kesarjanaan. **Dalam hal ini, UPM mengucapkan setinggi-**



tinggi tahniah kepada Yang Berbahagia Profesor Datuk Wira Dr. Raha Abdul Rahim kerana telah dipilih sebagai Ketua Pegawai Eksekutif (CEO), *National Institutes of Biotechnology* Malaysia berkuat kuasa 3 Februari lalu.

Sekali lagi pelaksanaan PKP dan Bekerja Dari Rumah (BDR) telah membuka lebih banyak ruang kepada akademia untuk menumpukan usaha kepada penghasilan penerbitan ilmiah. Tahniah kepada Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) serta semua entiti di bawahnya, atas usaha keras membantu akademia mencapai 3,396 penerbitan jurnal terindeks pada tahun 2021. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 1,936 atau 57% ialah penerbitan dalam Jurnal Q1 dan Q2, berbanding dengan 44% pada 2020. Pada tahun 2021, terdapat 8 artikel dalam jurnal Top 1% InCites JCR dan sebanyak 249 artikel dalam jurnal Top 10% InCites JCR berjaya diterbitkan oleh Pegawai Akademik UPM. Pencapaian ini menunjukkan bahawa komitmen dan kesungguhan penyelidik UPM dalam menghasilkan kertas penerbitan hasil penyelidikan, yang tentunya akan memberikan impak kepada kelestarian penyelidikan negara. Dalam aspek pengkomersialan pula, kita sangat berbangga apabila berjaya merekodkan 99 harta intelek, dan lima (5) teknologi daripadanya berjaya dikomersialkan. Antaranya, Vaksin STVac7 (kambing), Sistem *Rice Intensification* (SRI) dan *Cellulose Nanofiber Production*.

Pada tahun 2021, UPM telah menghantar **78 judul buku untuk penilaian Index Citation Web of Science (WoS). 12 judul buku telah diterima untuk diindeks, manakala bakinya sedang dalam proses penilaian. Selain itu, 12 judul buku telah dihantar untuk penilaian Index Scopus, dan 3 daripadanya telah berjaya diterima untuk diindeks di Scopus.** UPM juga telah berjaya **menerbitkan 66 buah buku penerbitan ilmiah yang merangkumi jenis penerbitan buku karya asli, buku suntingan, syarahan inaugural dan modul pengajian dan pengajaran.** Pencapaian ini membuktikan bahawa penerbitan buku juga tetap menjadi fokus UPM dalam menyerlahkan kesarjanaan akademia.

UPM juga telah berjaya menerbitkan 66 buah buku penerbitan ilmiah yang merangkumi jenis penerbitan buku karya asli, buku suntingan, syarahan inaugural dan modul pengajian dan pengajaran.

TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN,

Kejayaan dan sumbangan pegawai pengurusan dan profesional bukan akademik juga tidak kurang hebatnya apabila kecemerlangan inovasi pentadbir UPM diiktiraf untuk *Par Excellence Award* dalam pertandingan *quality circle* antarabangsa 46th *International Convention on Quality Control Circles* – 2021 (ICQCC-2021) Hyderabad, Telangana India yang berlangsung secara dalam talian pada 24 hingga 27 November 2021. Selain itu, pasukan UPM yang diketuai oleh **Cik Noremy Busu dari Pejabat Pendaftar telah memenangi emas dalam Karnival Inovasi UMT 2021 bagi kategori Amalan Inovasi Pengurusan (AIPN). Mantan Bursar, YBhg. Dato' Zulkiflee bin Othman juga dinobatkan sebagai Tokoh Pentadbir Universiti Awam Malaysia oleh Majlis Persatuan Pentadbir Universiti Awam (MASTI). Tahniah saya ucapkan.**

Selain itu, kita juga bersyukur kerana kekal meletakkan **UPM setanding dengan universiti global yang lain, apabila berjaya menduduki tangga ke-143 terbaik dunia menerusi QS *World University Rankings* 2022, di samping turut berjaya meningkatkan kedudukan ke tangga 27 dalam *UI-GreenMetric World University Ranking* 2021 Top 50 *Sustainable Universities in the World* pada tahun ini, sekali gus mengekalkan kedudukan sebagai universiti paling lestari di Malaysia serta ketiga terbaik di Asia.** Kejayaan dalam aspek penarafan ini terus menyokong hasrat dan agenda pengantarabangsaan dan kelestarian UPM.

...di samping turut berjaya meningkatkan kedudukan ke tangga 27 dalam *UI-GreenMetric World University Ranking* 2021 Top 50 *Sustainable Universities in the World* pada tahun ini...



Sebagai menyambung tradisi kecemerlangan UPM, para pelajar juga terus merekodkan kejayaan demi kejayaan dalam pelbagai bidang. Antaranya dalam bidang sukan, apabila tiga (3) orang pelajar UPM berjaya melayakkan diri dan beraksi di Sukan Olimpik Tokyo 2020. Manakala, Tarique Jamal, pelajar Ph.D. daripada Jabatan Kejuruteraan Mekanikal dan Pembuatan, Fakulti Kejuruteraan pula telah memenangi Anugerah Pembentang Lisan Terbaik di *Wood & Biofibre International Conference 2021* (WOBIC 2021).

Pelajar daripada Fakulti Sains Komputer dan Teknologi Maklumat, Hoh Jia Da dan pasukannya pula terpilih mewakili Malaysia dan memenangi AHAckathon yang dianjurkan buat julung kalinya oleh Pusat Penyelarasan Bantuan Kemanusiaan bagi Pengurusan Bencana ASEAN (Pusat AHA) selepas bersaing dengan pasukan daripada Indonesia, Vietnam, Singapura, Myanmar, Filipina, Brunei dan Thailand dalam arena ASEAN. Sebagai juara pertandingan serantau, pasukan Malaysia berjaya membawa pulang hadiah wang tunai sebanyak USD 2,000. **Terkini, sekumpulan pelajar**

Antaranya dalam bidang sukan, apabila tiga (3) orang pelajar UPM berjaya melayakkan diri dan beraksi di Sukan Olimpik Tokyo 2020.

UPM telah berjaya memenangi 2021 *Shell Varsity Challenge* melalui projek bertajuk "Anti-Drunk and Sleep Detector (ADS)". Pertandingan ini bertujuan meningkatkan kesedaran pelajar IPT tentang keselamatan jalan raya.

Saya percaya dan yakin, banyak lagi kejayaan UPM yang tidak mampu saya nyatakan satu persatu di sini dalam tempoh masa yang singkat. Bagaimanapun, pencapaian yang sempat dikongsikan di sini, membuktikan bahawa kita berada pada landasan yang betul untuk mencapai visi, misi dan matlamat pendidikan yang telah ditetapkan, di samping menjayakan Pelan Strategik UPM 2021-2025 yang telah dilancarkan hujung tahun lalu.

SEDERAP MELANGKAH MENUJU AL-FALAH

Tahun lalu kita telah menggemakan seruan al-Falah daripada menara ilmu ini. Seruan ini telah mula sampai ke serata ceruk kampus dan diterima baik oleh warga UPM, selain digemakan juga melalui media massa seantero tanah air. Maka, pada tahun ini kita perlu merealisasikan seruan ini dalam bentuk tindakan. Kita perlu zahirkan seruan ini dalam bentuk pelaksanaan. **Oleh sebab itulah saya menyeru tuan-tuan dan puan-puan warga UPM sekalian untuk bersama "Sederap Melangkah Menuju al-Falah." Ayuhlah kita bersama-sama menyingsing lengan menunaikan harapan masyarakat yang disandang di bahu kita. Kejayaan akan lebih mudah tercapai, jika kita bergerak serentak. Kata orang tua-tua, ke bukit sama didaki, ke lurah sama dituruni, berat sama dipikul, ringan sama dijinjing, hati kuman sama dicecah, hati gajah sama dilapah.**

Segala visi dan misi UPM tidak mungkin dapat direalisasikan seandainya tiada kesepakatan antara sesama kita warga universiti ini. Justeru, saya ingin mengajak tuan-tuan dan puan-puan semua untuk menghayati kembali visi, misi dan matlamat kita. Seterusnya kita sama-sama berusaha sedaya mungkin menjalankan tugas dan tanggungjawab yang diamanahkan kepada kita. Untuk merealisasikan tugas dan tanggungjawab ini secara lebih teratur, kita telah merangka Pelan Strategik UPM 2021-2025.

“Sederap Melangkah Menuju al-Falah.” Ayuhlah kita bersama-sama menyingsing lengan menunaikan harapan masyarakat yang disandang di bahu kita. Kejayaan akan lebih mudah tercapai, jika kita bergerak serentak. Kata orang tua-tua, ke bukit sama didaki, ke lurah sama dituruni, berat sama dipikul, ringan sama dijinjing, hati kuman sama dicecah, hati gajah sama dilapah.

KE ARAH PENGHAYATAN PELAN STRATEGIK UPM 2021-2025

Seperti yang kita sedia maklum, UPM telah berjaya melancarkan Pelan Strategik UPM 2021-2025 pada hujung tahun lalu. Saya mengambil peluang ini untuk merakamkan ucapan penghargaan dan terima kasih kepada semua pihak yang membantu menyediakan pelan lima tahun ini, khususnya Pusat Strategi dan Perhubungan Korporat (PSPK) yang telah bertindak sebagai Sekretariat utama. Pelan ini ialah dokumen penting yang bakal menterjemahkan kesinambungan al-Falah untuk tempoh lima tahun yang akan datang, iaitu selari dengan tema Pelan Strategik; "Seruan al-Falah dari Menara Ilmu". Besar harapan saya, agar Pelan Strategik UPM 2021-2025 ini dapat dihayati, dan seterusnya dilaksanakan oleh semua warga universiti, termasuk para alumni atas semangat Keluarga UPM.

Bak kata pepatah, 'Bulat air kerana pembetung, bulat manusia kerana muafakat'. Untuk memastikan bahawa semua PTJ memahami kandungan pelan ini serta merangka pelan tindakan masing-masing, **PSPK telah pun memulakan Program Penghayatan dan Pelaksanaan Pelan Strategik UPM 2021-2025 sejak 27 Disember 2021 yang lalu bermula di Fakulti Rekabentuk dan Senibina, dan akan berterusan sehingga selesai menjelang Mac 2022.**

Sesi libat urus bersama ahli pengurusan PTJ melalui Program Penghayatan dan Pelaksanaan Pelan Strategik UPM 2021-2025 ini juga dilaksanakan untuk mendapatkan maklumat serta maklum balas PTJ berkenaan isu-isu yang dialami oleh PTJ dalam menyediakan dokumen pelan tindakan PTJ serta mendapatkan maklumat berkenaan projek-projek khas di PTJ bagi tujuan pemantauan.

Untuk makluman semua, pada tahun ini, UPM akan memberikan fokus kepada program-program khas yang dirancang oleh PTJ yang menyokong pencapaian sasaran Pelan Strategik, khususnya aspek pertanian berteknologi tinggi, pendigitalan kampus pintar serta program yang menyumbang kepada kelestarian institusi mapan. Ironinya, kita telah pun memulakan usaha untuk menjayakan matlamat Pelan Strategik apabila berjaya melancarkan inisiatif melagang kampus pintar semasa Majlis Pelancaran Pelan Strategik UPM 2021-2025 yang lepas. Hal ini merupakan satu permulaan yang sangat baik dan positif, terutamanya dalam menyokong kejayaan Pelan Strategik Pendigitalan Sektor Awam, di samping menyahut hasrat dan saranan Yang Berhormat Menteri Pengajian Tinggi.

Saya percaya, inisiatif ini akan membolehkan UPM meneroka pelbagai teknologi baharu yang boleh diadaptasikan untuk memperkasakan aspek tabir urus universiti, khususnya dalam bidang pengajaran dan pembelajaran serta kewangan. Untuk menyokong agenda ini, sudah ada beberapa inisiatif khas yang telah digerakkan untuk dilaksanakan pada tahun ini. Antaranya menaik taraf infrastruktur *server* dan storan UPM, iaitu Putra®Cloud, menaik taraf infrastruktur ICT (**PUTRA**®*SmartClassroom*), mewujudkan platform **PUTRA**®AGTech sebagai pangkalan data untuk mempromosikan teknologi pertanian UPM, menaik taraf sistem aplikasi bersepadu pelajar UPM (SMP4.0) serta melancarkan Polisi Kampus Hijau dan Lestari sebagai agenda untuk menyokong pembentukan Pelan Tindakan Pembangunan Kampus Hijau dan Lestari UPM, sekali gus membudayakan amalan kelestarian hijau dalam kalangan warga kampus.

Selain itu, kita juga menginsafi keperluan matlamat Pelan Strategik UPM 2021-2025 ini untuk memberikan impak kepada pihak berkepentingan terbesar UPM, iaitu para pelajar UPM yang kita kasihi. Atas kesedaran inilah kita mengangkat agenda pemerkasaan pelajar sebagai matlamat pertama dalam Pelan Strategik, iaitu Melahirkan Watak Graduan Berdaya Tahan Mendepani Cabaran Mendatang. Untuk merealisasikan hasrat kita melahirkan graduan bitara yang holistik, ihsan, patriotisme dan berdaya tahan, pelbagai program yang akan memperkasakan kemahiran insaniah pelajar akan dilaksanakan. Antaranya, program di bawah **PUTRA**®PRENEUR dan **PUTRA**®HOLISTIK yang memberikan penekanan dalam aspek keusahawanan dan kepemimpinan pelajar.

Justeru, saya ingin menyeru agar semua PTJ memberikan komitmen yang penuh dalam mendukung hala tuju UPM menerusi pelaksanaan pelan tindakan di PTJ masing-masing. Ketua PTJ perlu memastikan bahawa warga PTJ menghayati dan memahami peranan masing-masing dalam menjayakan Pelan Strategik UPM ini. Untuk itu, pastikan Pelan Tindakan yang dibangunkan pada peringkat PTJ sentiasa berpaksikan matlamat Pelan Strategik UPM 2021-2025 agar UPM berjaya mencapai Visi, Misi dan Matlamat Pendidikan yang ditetapkan. Dengan itu, kita semua akan melangkah sederap, tak ubah seperti perajurit dalam perbarisan.

MENAKHODA PERTANIAN DAN PUSAT RUJUKAN PENGEMBANGAN

Seperti yang saya jelaskan melalui naratif tahun lalu, UPM memberikan fokus pada usaha memacu pertanian berteknologi tinggi atau pertanian pintar. Pertanian ini mempunyai potensi sebenar untuk menghasilkan pengeluaran pertanian yang lebih produktif dan mampan, berdasarkan pendekatan yang lebih tepat dan cekap sumber. Selari dengan transformasi pertanian berteknologi, Fakulti Pertanian UPM melalui pakar-pakar mereka, melakukan pelbagai penyelidikan berkaitan pertanian pintar.

Pertama, **Pelaksanaan Mekanisasi Pertanian dan Aplikasi Pendekatan Pertanian Pintar terhadap Teknologi Pertanian Persis Menggunakan Dron untuk Input Pertanian (Racun Perosak, Baja atau Benih)**. Kajian ini, terutamanya melibatkan kaedah dan pelaksanaan mekanisasi pertanian dan aplikasi pendekatan pertanian pintar kepada teknologi pertanian persis menggunakan dron untuk pengurusan input pertanian, seperti racun perosak, baja atau benih. Keupayaaan penggunaan dron dalam mengendalikan input pertanian tersebut ialah empat (4) kali lebih efisien berbanding dengan traktor biasa atau operasi manual. Di samping itu, ia akan memastikan bahawa operator kurang pendedahan kepada bahan kimia dan mengurangkan kesan alam sekitar.

Kedua, **Pembangunan Aplikasi Mudah Alih untuk Pengurusan Padi dengan Menggunakan Peta *Normalized Difference Vegetation Index* (NDVI)** Pembangunan aplikasi mudah alih pengurusan padi dengan menggunakan peta NDVI membantu

para petani memantau status kesihatan tanaman mereka menggunakan dron, seterusnya mencadangkan pengurusan perosak dan penyakit yang tepat. Pengurusan rumpai juga menjadi lebih efisien dengan pengecaman rumpai melalui teknik *Object Base Image Analysis* (OBIA). Pendekatan khusus tapak boleh menggalakkan pengurusan rumpai yang produktif dan menjimatkan. Ia menggunakan alat berteknologi tinggi yang berpotensi untuk meminimumkan sumber pertanian dengan mengira input optimum kepada keperluan spatial dan temporal.

Ketiga, **Pengairan Persis untuk Kadar Pertumbuhan, Mengurangkan Kematian, Meningkatkan Hasil dan Kualiti Buah Durian**. Penyelidikan ini menggunakan pertanian persis dalam tanaman fertigasi durian untuk meningkatkan kadar pertumbuhan, mengurangkan kematian dan meningkatkan hasil dan kualiti buah durian. Jumlah air pengairan berdasarkan keperluan setiap pokok durian dapat ditentukan secara tepat tanpa sebarang pembaziran.

Keempat, **Pembangunan Sistem Pertanian Persis untuk Pengurusan Kelapa Sawit Mampan**. Penyelidikan ini merangkumi pengurusan nutrien, perosak dan penyakit yang dibangunkan menggunakan pelbagai platform darat, udara dan satelit serta algoritma pembelajaran mesin. Kandungan nutrien seperti N, P, K, Mg dan Ca boleh dianggarkan daripada penderia ini dengan pelbagai ketepatan antara 70% hingga 100%. Populasi ulat bungkus di ladang kelapa sawit boleh dianggarkan daripada data satelit dengan ketepatan 93%. Pokok kelapa sawit tanpa gejala yang dijangkiti *Ganoderma boninense* boleh dianggarkan dengan ketepatan 100% menggunakan *ground spectroradiometer*. Aspek pengurusan lain seperti penyelenggaraan ladang dan anggaran umur kelapa sawit juga boleh dilakukan dengan imej satelit dengan ketepatan lebih daripada 80%. Penyelidikan berterusan sedang dijalankan bagi ramalan hasil kelapa sawit dan fenotaip.

Untuk menjayakan pertanian berteknologi tinggi, penguasaan ilmu dan kemahiran amat penting. Justeru, UPM bakal menawarkan Program Bacelor Teknologi Pertanian Pintar bermula Semester 1, Sesi 2022/2023. Program ini memperoleh akreditasi daripada Lembaga Teknologis Malaysia (MBOT) dan akan ditawarkan dalam Mod Pelbagai Mod Kerja Kursus dan Mod Industri. Kurikulum program ini dibangunkan berdasarkan pekerjaan sebenar yang melibatkan pengoperasian teknologi pintar dan integrasi sistem digital dan memberikan penekanan khusus kepada pendekatan berdasarkan tugas (*task-based*). Program ini dijangka dapat melahirkan teknologis pertanian berpengetahuan dan kompeten untuk mengendalikan teknologi pertanian pintar yang lestari, serta seterusnya dapat membangun dan mengurus pengeluaran pertanian berasaskan sistem pertanian pintar.

HADIRIN SEKALIAN,

Seiring dengan transformasi Pusat Pertanian Putra (PPP) daripada Taman Pertanian Universiti (TPU), UPM turut merancang dan melaksanakan beberapa tindakan dalam meningkatkan integrasi penyelidikan merentas bidang untuk menghasilkan inovasi berteknologi tinggi. Dalam hal ini, UPM telah memperuntukkan RM448,000 bagi naik taraf Pusat Penghasilan Biokompos di Pusat Pertanian Putra yang berkolaborasi bersama Institut Kajian Perladangan. Pembinaan struktur bangunan bio kompas ini dijangka siap pada April 2022. Projek teknologi biokompos ini ialah hasil penyelidikan IKP untuk memastikan bahawa pemprosesan bahan buangan domestik dapat diuruskan dengan baik dan ini merupakan salah satu sumber pendapatan baharu kepada PTJ yang terlibat. PPP juga memainkan peranan sebagai pusat penterjemahan penyelidikan oleh penyelidik UPM, dan ke arah pengkomersialan produk. Projek ini juga menyokong penilaian penarafan *UI-GreenMetric* dalam menghasilkan bahan buangan hijau sifar.

PPP juga memastikan agar pengeluaran produk berteknologi tinggi dengan jenama UPM dapat diperluas dan dipertingkatkan. Antaranya, dengan projek usaha sama Pusat Kecemerlangan Industri Ladang Tenusu UPM Farm Fresh yang dijangka akan memulakan operasi sepenuhnya selepas mendapat kelulusan daripada pihak berkuasa tempatan pada Mac 2022. Usaha sama berbentuk perkongsian keuntungan (bersih), iaitu nisbah UPM:Farm Fresh ialah 40:60. Hal ini ialah jangkaan pendapatan utama daripada jualan produk susu, tiket agropelancongan, jualan produk dari restoran dan pakej bermusim yang akan diwujudkan, seperti sewaan tapak majlis dan lain-lain.

MukaSepuluh

Lahirkan graduan sebagai sosok warganegara unggul

Graduan dilahirkan mesti mampu beradaptasi dengan kehidupan sebenar dengan mengaplikasikan ilmu, nilai dan kemahiran diperoleh sepanjang pengajian di kampus

Pada masa yang sama, UPM melalui Putra Science Park (PSP) akan terus menjayakan produk lain yang dalam proses pengkomersialan, seperti Padi U Putra,

Selain usaha sama tersebut, PPP akan memperkasakan Putra Mart sebagai pusat pemasaran UPM yang mula beroperasi secara rasminya pada 1 Januari 2022. **PUTRA**®Mart ini berkonsepkan *University Garden Café* dengan pusat jualan ini menyediakan jualan anak benih tanaman hiasan dalaman, pelbagai jenis hasil segar ladang, di samping produk-produk rakan industri kecil atau sederhana melalui pengambilan produk secara *consignant*.

Pada masa yang sama, UPM melalui Putra Science Park (PSP) akan terus menjayakan produk lain yang dalam proses pengkomersialan, seperti Padi U Putra, iaitu benih super yang menggunakan teknik bioteknologi moden pada abad ke-21, FS FEED. Teknik ini ialah makanan alternatif pertama "*mikro diet*" yang memberikan manfaat kepada larva ikan dan membantu meningkatkan produktiviti penternak, TROPICARP-Red Mahseer Feed Formulation, iaitu makanan rumusan khusus yang diformulasikan untuk Ikan Kelah/Empura dan Modification Of Starch (*Sago Prebiotic*), iaitu teknologi prebiotik Pertama daripada daripada sumber bahan mentah tempatan (*sago starch*).

MELAHIRKAN PELAJAR SEBAGAI SOSOK WARGANEGARA YANG BAIK

Peranan universiti bukan sekadar melahirkan insan berpengetahuan dan berkemahiran tinggi, tetapi sosok warganegara yang baik. Apabila Akta Universiti dan Kolej Universiti (AUKU) dipinda dan Undi18 berkuat kuasa, kita perlu meraikan kebebasan berpolitik pelajar secara bijaksana. Seramai 452,559 orang atau 38 peratus daripada 1.2 juta yang layak mengundi, merupakan pelajar yang berumur antara 18 hingga 20 tahun berada di bawah kawal selia Kementerian Pengajian Tinggi atau KPT. IPT, termasuk UPM berperanan menyediakan pelajar yang matang dan berketerampilan dalam sudut pandangan politik susulan pelaksanaan Undi18.

Dalam hal ini, UPM akan sentiasa berusaha memantapkan literasi politik dalam kalangan pelajar melalui pelbagai kaedah dan pendekatan. **Antaranya memberikan penekanan pada pembentukan nilai bersama dalam kebebasan berpolitik pelajar berdasarkan nilai teras universiti. Selain itu, Unit Literasi dan Advokasi Politik di bawah Institut Pengajian Sains Sosial (IPSAS) telah ditubuhkan untuk menjalankan kajian dan advokasi awam berkaitan penyertaan politik anak muda,**

khususnya Undi18. Saya berharap, unit ini dapat berperanan dengan sebaik mungkin dalam memastikan bahawa Undi18 menjadi suatu proses penting ke arah pembinaan negara bangsa.

Hasrat saya, agar unit ini mendapat kerjasama baik semua pihak, terutama Bahagian Hal Ehwal Pelajar (BHEP) dan Fakulti Ekologi Manusia (FEM) untuk mencanai pemikiran dan sikap pelajar UPM yang tepat tentang demokrasi. Hal ini demikian, kerana fokus kita bukan hanya sekadar mahu para pelajar cakna akan perkembangan politik tanah air, tetapi juga sedar betapa politik itu dapat digunakan untuk memakmurkan masyarakat seluruhnya. Ringkasnya. kita mahu melahirkan orang muda yang berilmu, cakna berpolitik dan pada waktu yang sama, berjiwa besar. Memetik tulisan Hamka dalam bukunya Dari Lembah Cita-cita (1982), "Kemunduran negara tidak akan terjadi kalau tiada kemunduran budi dan kekusutan jiwa."

Selain kebebasan berpolitik pelajar, pembentukan watak graduan UPM yang berdaya tahan juga akan diperkasakan melalui aktiviti kesukarelawanan. Kita sangat bangga dengan nilai sukarelawan dan empati yang tinggi dipamerkan oleh pelajar UPM ketika negara berhadapan dengan musibah banjir hujung tahun lalu. Justeru, agar lebih merancakkan aktiviti kesukarelawanan dalam kalangan pelajar, **UPM telah mengorak langkah bekerjasama dengan Kementerian Dalam Negeri dan Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA) untuk mewujudkan Briged RELA Siswa Siswi (RELASIS) Universiti Putra Malaysia.** Saya berharap, penubuhan RELASIS ini akan dapat meningkatkan dan menyemai semangat setia kawan demi memupuk perpaduan nasional dalam kalangan pelajar UPM. Seyogia diingatkan, apa-apa yang kita semai dalam jiwa pelajar kita ini akan tampak hasilnya apabila mereka keluar ke dalam masyarakat. Alumni kitalah yang akan membawa panji-panji universiti ke tengah masyarakat. Bagi alumni UPM,

tanggungjawab mereka sebagai agen penyebaran ilmu yang membantu masyarakat akan memperlihatkan kecaknaan mereka untuk kembali membantu alma mater.

Penularan COVID-19 menghangatkan isu kebolehpasaran graduan. Untuk mengurangkan kesan yang dihadapi, kerajaan melalui KPT melaksanakan program Penjana KPT-CAP *Career Advancement Programme* atau Program Peningkatan Kerjaya dengan memfokuskan program *reskilling* dan *upskilling* untuk membantu meningkatkan kemahiran dan keupayaan memenuhi pasaran kerja bersesuaian. **Dalam hal ini, UPM melalui Pusat Pembangunan Keusahawanan dan Kebolehpasaran Graduan (CEM) telah berjaya mendapatkan empat (4) dana berjumlah RM 3,896,480.00 bagi program Entrepreneur MOHE@PUNB "*Empowering Business Through Digitalization*" (RM2,499,480.00), *Service Excellence in Workplace* (RM119,000.00), *Grandpreneur@State* (RM222,000.00) dan Program Usahawan Siswa Tani kerjasama Koperasi Kebuniti Selangor Berhad (RM1,056,000.00).** Tahun 2021 juga menyaksikan sebanyak RM351,000.00 dana telah diterima bagi Program Intervensi Kebolehpasaran Graduan melalui program GRAD2WORK. Di bawah program Tunas Usahawan Belia Bumiputera (TUBE@IPT) sebanyak RM165,000.00 berjaya diperoleh. Program anjuran SME Corp ini menyediakan platform kepada graduan yang berminat dalam dunia perniagaan. Kerjasama bersama Yayasan Pelajaran MARA dalam penganjuran program '*Graduate Readiness for 4.0 Industrial Revolution Career e-Workshop*' dengan suntikan dana sebanyak RM10,000.00 telah banyak membantu pelajar dan graduan daripada keluarga B40 dalam persediaan menghadapi dunia pekerjaan. Syabas kepada Pengarah CEM dan pasukan.

Dalam hal ini, UPM melalui Pusat Pembangunan Keusahawanan dan Kebolehpasaran Graduan (CEM) telah berjaya mendapatkan empat (4) dana berjumlah RM 3,896,480.00 bagi program Entrepreneur MOHE@PUNB "*Empowering Business Through Digitalization*"

MEREALISASIKAN KAMPUS PINTAR

Perlaksanaan pendigitalan kampus merupakan satu anjakan besar yang memberikan cabaran baharu kepada kita semua. Tahun 2021 telah menyaksikan beberapa inisiatif pendigitalan dalam pengurusan pentadbiran dan penyampaian di kampus. Antaranya, Smart **PUTRA**®VID, Smart **PUTRA**®*Presence*, Smart **PUTRA**®BYOD, Smart **PUTRA**®VR, Smart **PUTRA**®FR, Smart **PUTRA**®Cakna, Smart **PUTRA**®*Access*, Smart **PUTRA**®*Bus*, Smart **PUTRA**®*Voting* dan beberapa lagi inisiatif pendigitalan yang sedang giat digerakkan. Smart **PUTRA**®*Voting* misalnya ialah pendigitalan dalam politik kampus, iaitu pengundian secara *'mobile apps'* untuk Pemilihan Majlis Perwakilan Pelajar UPM Sesi 2020/2021. Pendek kata, undi di hujung jari dan berteknologi.



Selain itu, iDEC menyediakan kemudahan internet berkelajuan tinggi di beberapa lokasi *hotspot* di semua kolej kediaman UPM, sebagai salah satu inisiatif dalam membantu meningkatkan keberkesanan pembelajaran secara dalam talian. Alhamdulillah! Inisiatif Smart **PUTRA**®Premium yang meliputi 16 kawasan terpilih di Kolej Kediaman, termasuk Perpustakaan telah siap dilaksanakan pada April 2021. Projek ini telah memberikan kemudahan capaian pantas kepada pelajar di Kolej Kediaman dengan penggunaan teknologi Wifi 6 dan jaminan jalur lebar. Berdasarkan maklum balas pelajar, wifi **PUTRA**®Premium menjadi alternatif capaian internet dan penyelesaian kepada isu liputan Wifi di bilik Kolej Kediaman untuk mereka menjalani aktiviti pembelajaran dengan lebih lancar dan tanpa gangguan.

PUTRA®Premium juga telah memberikan 'user *experience*' yang signifikan kepada pelajar untuk capaian internet pantas di Kolej Kediaman. Ia bermanfaat kepada hampir 1000 orang pelajar dalam satu-satu masa sehari dalam menjalani Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) secara dalam talian. Inisiatif **PUTRA**®Premium ini akan

Antaranya, Smart PUTRA®VID, Smart PUTRA®*Presence*, Smart PUTRA®BYOD, Smart PUTRA®VR, Smart PUTRA®FR, Smart PUTRA®Cakna, Smart PUTRA®*Access*, Smart PUTRA®Bus, Smart PUTRA®*Voting* dan beberapa lagi inisitif pendigitalan yang sedang giat digerakkan.

dikembang-luaskan kepada UPM Kampus Bintulu. Keperluan capaian Internet warga kampus secara menyeluruh di kampus Serdang telah ditingkatkan bermula Februari 2022, daripada jalur lebar 6 Gbps kepada 10 Gbps.

Pihak fakulti dan Pusat Pembangunan Akademik (CADe) bersama iDEC berganding bahu menyahut cabaran yang dilontarkan awal tahun 2021 untuk melihat persekitaran PdP digital yang benar-benar kondusif, telah dapat dilaksanakan secara maya dalam masa nyata (*live*) atau hibrid melalui inisiatif Satu (1) Fakulti Satu (1) **PUTRA**®*Smart Classroom* serta inisiatif Satu (1) Fakulti Satu (1) Smart **PUTRA**®VDI Lab. Enam fakulti yang telah berjaya dan sedang mengerakkan usaha ini. Perkara yang lebih membanggakan kita semua, teknologi *Cloud Computing* direalisasikan dalam PdP Digital yang dijayakan oleh pihak Fakulti Sains Komputer dan Teknologi Maklumat telah melonjakkan nama UPM menjadi antara universiti terawal mempunyai kemudahan Satu (1) Pelajar Satu (1) *Server* yang dikenali sebagai Smart **PUTRA**®*One Server.*

Pendigitalan kini ialah keutamaan bagi organisasi. Pihak Pengurusan Universiti menyedari bahawa UPM perlu lebih berkembang sebagai organisasi, dan transformasi digital ialah sistem sokongan terbaik untuk mencapainya. **Justeru, bersempena dengan agenda memperkasakan pendigitalan kampus ini, hari ini saya berbesar hati untuk berkongsi kepada semua dengan melancarkan aplikasi *Mobile Apps* Smart PUTRA®Staf yang telah dibangunkan oleh Bahagian Pembangunan Aplikasi, iDEC. Aplikasi ini membolehkan semua staf UPM mengurus selia urusan cuti, perakam waktu, slip gaji, penilaian risiko COVID-19 dan pelbagai kemudahan berkaitan keperluan staf melalui telefon Android atau iOS.**

Segala usaha ini akan menjadikan tugas kita lebih tersusun dan sistematik. Hal ini sesuai dengan hadis Rasulullah s.a.w. riwayat Al-Baihaqi, bahawa "Sesungguhnya Allah menyukai apabila salah seseorang daripada kamu melakukan sesuatu pekerjaan, ia melakukannya dengan baik, sempurna dan teliti. "Syabas dan Tahniah pihak iDEC. Ayuh kita semua warga UPM menganjak minda untuk mendakap norma baharu pendigitalan.

UPM bukan sekadar mahu menggerakkan usaha pendigitalan di kampus, tetapi menerajui transformasi digital peringkat tinggi pendidikan di Malaysia. Dalam hal ini, satu Majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) telah diadakan antara UPM melalui Fakulti Pengajian Pendidikan UPM dengan Pusat Inovasi Pengajian Tinggi Antarabangsa di bawah Naungan UNESCO, China (UNESCO ICHEI) tahun lalu di Putra Future Classroom (PFC@EDUC). **Melalui Memorandum Persefahaman ini, kedua-dua pihak secara rasmi bersetuju mempromosikan transformasi digital pendidikan tinggi untuk Malaysia.** UPM juga telah bekerjasama dengan UNESCO dalam memperkasakan pembelajaran dalam talian sejak 2016. Antara yang signifikan ialah pembentukan satu dasar bertajuk '*Building ecosystems for online and blended learning: Advancing equity and excellence in higher education in the Asia-Pacific*' dalam memacu ICT di serantau Asia-Pasifik melalui Projek *Asia Trust-In-Fund* UNESCO-Shenzhen.

Atas kepercayaan yang tinggi terhadap kebolehan UPM, sekali lagi UNESCO-ICHEI telah menjadikan UPM sebagai Rakan Peneraju dengan melantik INNOVATE di Fakulti Pengajian Pendidikan sebagai Pusat Nasional *International Institute of Online Education* (NCIIOE). Manfaat yang diperoleh daripada kerjasama ini ialah penyertaan UPM pada peringkat antarabangsa dalam rangkaian perkongsian strategik untuk berkongsi sumber dan pengalaman serta pertukaran pengetahuan dalam transformasi pendigitalan pendidikan tinggi di Asia-Pasifik.

MEMARTABATKAN PENYELIDIKAN UNTUK NEGARA

Reputasi UPM sebagai sebuah universiti penyelidikan perlu sentiasa diperkukuh. Dalam usaha memperkasakan inisiatif penyelidikan dan inovasi UPM, faktor tadbir urus efisien yang dapat mewujudkan satu ekosistem yang kondusif adalah signifikan kepada universiti. Dalam hal ini, **cuti keusahawanan akan diperkenalkan kepada penyelidik di UPM agar dapat memberikan tumpuan penuh kepada pengurusan *start-up* yang didaftar sebagai sumber pendapatan universiti, dalam usaha untuk memperkasakan pengkomersialan dan inovasi UPM.**

Untuk menyuburkan budaya penyelidikan yang kondusif, pembangunan **program mentoran dan bimbingan akan digerakkan.** Program ini akan diterajui oleh para profesor di setiap fakulti yang mampu untuk meningkatkan kompetensi pensyarah muda dalam kemahiran penyelidikan dan inovasi. Dalam konteks untuk menggiatkan hubungan dan jaringan industri, Pejabat TNCPI juga akan memfokuskan projek strategik yang berimpak untuk menyelesaikan masalah industri melalui projek penyelidikan, dengan menggunakan pelbagai sumber yang ada secara efisien, dan dijangka mampu memberikan pulangan yang lumayan kepada universiti.

Agenda penyelidikan UPM akan terus dipacu dengan kebitaraan yang dimiliki oleh UPM Kampus Bintulu sebagai Hab Penyelidikan Hutan Sarawak. Melalui kerjasama dengan Jabatan Hutan Sarawak, sebanyak RM10.95 juta dana penyelidikan telah diperuntukkan oleh kerajaan negeri kepada UPMKB untuk melaksanakan kerjasama tersebut yang akan memacu lebih banyak aktiviti penyelidikan hutan. Antara projek penyelidikan perhutanan yang diterajui UPMKB ialah MoU Tiga Pihak antara UPM, Sime Darby Plantation dan FDS, kajian tanah tinggi Payeh Maga di Lawas, ekspedisi pengumpulan data flora dan fauna di Taman Negara Bukit Kana (Bintulu), pelan pengurusan Gunung Pueh (Lundu) dan dataran tinggi Usun Apau (Belaga) serta penyelidikan di Taman Negara Similajau (Bintulu).

Dalam menyokong usaha Kerajaan Negeri Sarawak sebagai Hab Pertanian utama negara, kerajaan negeri sekali lagi memilih UPMKB mengetuai kajian untuk membolehkan **padi** di kawasan Batang Lupar dihasilkan sebanyak tiga kali setahun dan meningkatkan hasil padi di kawasan tanah tinggi,

seperti Bario. Selain itu, UPMKB akan turut menjalankan kajian terhadap **tanaman nipah** yang banyak terdapat di negeri ini untuk menghasilkan gula apong, serta tanaman rumbia untuk menghasilkan sagu yang berkualiti tinggi dengan kuantiti yang lebih banyak pada satu-satu masa dengan menggunakan teknologi yang sesuai. Kerajaan Negeri telah bersetuju untuk menubuhkan Lembaga Pembangunan Nipah Dan Sagu kerana melihat potensi besar dalam dua sumber tersebut. Sejumlah dana akan disalurkan untuk membolehkan penyelidik UPMKB menjalankan kajian serta penyelidikan berkaitan dengan ketiga-tiga komoditi berkenaan. Kita amat yakin dan percaya, hubungan strategik dan sinergi antara UPMKB dengan Kerajaan Negeri Sarawak dapat merealisasikan hasrat ini dalam membentuk ekosistem pertanian yang mampan.

Selain itu, UPMKB turut dijadikan Hab Penyelidikan Etnik Borneo melalui **penubuhan Kursi Pehin Sri Adenan Satem (Kursi Tok Nan) dengan kerjasama Kementerian Pelancongan, Kesenian dan Kebudayaan Sarawak.** Baru-baru ini, Kerajaan Negeri Sarawak telah memperuntukkan RM2.54 juta bagi penubuhan Kursi Tok Nan untuk memacu usaha penyelidikan dan mempertahankan identiti unik serta kekayaan warisan budaya pribumi Borneo pada peringkat antarabangsa. Diterajui oleh Fakulti Kemanusiaan Pengurusan dan Sains UPMKB, Kursi Tok Nan akan menjadi hab pengumpulan data warisan budaya dan khazanah pelbagai kumpulan etnik di Sarawak dan Borneo, dilengkapi dengan penyelidikan yang menyeluruh. Ia akan turut memfokuskan penyelidikan dalam bidang sains sosial dan kemanusiaan serta pewujudan pangkalan data tentang komuniti Borneo, dan memperluas kajian tentang etnik-etnik Borneo. Kursi Tok Nan ini merupakan penghormatan daripada UPM Kampus Bintulu kepada perjuangan Allahyarham Tok Nan sebagai anak Sarawak. Terima kasih dan syabas UPMKB.

MENJUARAI MISI UNIVERSITI UNTUK MASYARAKAT

Selari dengan seruan Sederap Melangkah Menuju al-Falah, UPM akan terus memperkukuh jaringan industri dan masyarakat untuk menjuarai misi universiti untuk masyarakat. Untuk meningkatkan penglibatan industri dengan akademia secara lebih rapat, Pejabat Timbalan Naib Canselor (Jaringan Industri dan Masyarakat) melalui Pejabat Hubungan dan Jaringan Industri atau CiRNeT **akan menyerlahkan penjenamaan Program CEO@PTJ ini. Satu Sesi Dialog antara Jawatankuasa Pengurusan Universiti dengan kesemua 23 CEO ini akan diadakan pada tahun ini.** Program CEO@PTJ akan berperanan untuk membantu UPM menghasilkan graduan holistik yang dapat memenuhi permintaan pasaran secara strategik, pendanaan melalui wakaf ilmu (*endowment*), peralatan kajian, dan geran penyelidikan serta kerjasama strategik bagi pemindahan ilmu kepakaran UPM. Menjadi hasrat kita agar warga UPM sentiasa turut merasai denyut nadi masyarakat. Dalam hubungan ini, saya teringat pesan Hamka dalam tulisannya yang berjudul Pribadi (1950), "Banyak guru, doktor, hakim, jurutera, ramai orang yang memiliki buku satu gudang dan diplomanya segulung besar, dalam masyarakat dia menjadi mati sebab dia bukan orang masyarakat. Hidupnya hanya mementingkan dirinya, diplomanya hanya untuk mencari harta, hatinya sudah seperti batu, tidak mempunyai cita-cita lain daripada kesenangan dirinya…".

Salah satu cara mendekatkan UPM dengan masyarakat adalah melalui aktiviti pengembangan. Untuk memperkemas usaha UPM sebagai pusat rujukan pengembangan, **Bas Pengembangan Putra akan dinaik taraf dan ditambah baik dari segi penampilan, struktur badan bas dan kemudahan.** Untuk makluman semua, Bas Pengembangan Putra ini digunakan sebagai platform atau medium hebahan kepada masyarakat atau komuniti luar kampus tentang kepakaran, ilmu yang dimiliki oleh pihak universiti dan juga hasil kajian yang telah dijanakan. Penampilan baharu ini termasuk pengisian bahan pameran yang inovatif, kreatif dan interaktif, seperti poster atau produk yang dipamerkan lebih terkini, menarik dan lebih membawa impak yang berkesan kepada pengguna, khususnya masyarakat atau komuniti luar.

Dalam menyelusur kehidupan yang serba pantas dan berteknologi ini, konsep Klinik Pertanian **PUTRA**® ditambah baik dengan mewujudkan satu pautan talian HOTLINE. Hal ini bertujuan untuk UPM memberikan perkhidmatan kepakaran dan khidmat nasihat pakar yang lebih pantas dan

cekap. Aplikasi UPM FARM TRACK juga telah dibangunkan untuk mengukur pencapaian dan prestasi ladang penternak dalam industri ternakan ruminan. Kaedah pengukuran UPM FARM TRACK ini adalah selari dengan keperluan MyGAP ternakan untuk memantau ladang ternakan secara holistik dan mendiagnosis masalah ternakan secara maya oleh pakar UPM. Pada masa yang sama, pembudayaan norma baharu bagi aktiviti pemindahan ilmu secara maya akan terus dipergiat melalui siri webinar, seperti Bicara Pengembangan (EXTENT), Dapur **PUTRA**® dan Kecoh Kecoh Tani di bawah kelolaan UCTC.

Untuk menyahut hasrat UPM menjuarai agenda universiti untuk masyarakat ini lagi**, Hospital Pengajar UPM atau HPUPM telah merancang untuk melancarkan program HPUPM Turun ke Komuniti** ini dengan mengadakan jerayawara yang melibatkan pelbagai komuniti, seperti penduduk di Putra Perdana, penghuni Taman Sri Putri Cheras dan penduduk Kg. Orang Asli Sungai Kurau. Siri jerayawara ini akan melibatkan sesi perkongsian yang meliputi kepakaran pelbagai jabatan, seperti saringan kesihatan mental, saringan penglihatan mata dan Klinik Bergerak HPUPM.

“Banyak guru, doktor, hakim, jurutera, ramai orang yang memiliki buku satu gudang dan diplomanya segulung besar, dalam masyarakat dia menjadi mati sebab dia bukan orang masyarakat. Hidupnya hanya mementingkan dirinya, diplomanya hanya untuk mencari harta, hatinya sudah seperti batu, tidak mempunyai cita-cita lain daripada kesenangan dirinya…”.

MERANCAKKAN UPM GLOBAL

Sempadan negara yang ditutup sejak penularan pandemik COVID-19 telah memberikan kesan yang besar kepada jalinan strategik pengantarabangsaan. Aktiviti mobiliti di seluruh dunia terganggu dengan situasi ini. Bagaimanapun, pandemik ini turut memberikan hikmah apabila mobiliti dapat dilaksanakan dengan lebih mudah apabila ia boleh dilakukan secara dalam talian. Bagi tahun 2021, Entiti di bawah Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) iaitu i-PUTRA telah mencapai jumlah 1897 orang pelajar mobiliti *inbound* dan 780 orang pelajar mobiliti *outbound* berbanding dengan ketetapan KPI 500 *inbound* dan 500 *outbound*. i-PUTRA juga telah berjaya melaksanakan enam (6) program musim panas daripada keseluruhan 24 program musim panas. Bagi tahun 2022, i-PUTRA mengatur langkah pencapaian berpaksikan misi i-PUTRA, iaitu 'memberikan sumbangan bermakna dalam memperkukuh universiti sebagai institusi bereputasi antarabangsa melalui jalinan global strategik, pemupukan bakat global masa hadapan dan perkhidmatan kelas pertama'. Bagi tujuan pencapaian semua aktiviti, i-PUTRA akan berpaksikan tiga (3) fokus/teras utama, iaitu i-PUTRA *Go Global*, i-PUTRA *with Community* dan i-PUTRA *for UPM*.

Selain mobiliti, agenda pengantarabangsaan diperkukuh dengan pelaksanaan MoU dan MoA. Pada 2021, i-PUTRA telah berjaya mengukuhkan kedudukannya sebagai peneraju enam (6) perjanjian MoU dan MoA dengan pelbagai institusi antarabangsa. Perlaksanaan MoU dan MoA telah memberikan impak seperti meningkatkan pengetahuan dan pengalaman pelajar melalui aktiviti mobiliti antarabangsa; mewujudkan kerjasama strategik dalam pelbagai skop antara penyelidik UPM dengan penyelidik antarabangsa, terutamanya melalui mobiliti staf; membantu meningkatkan bilangan penyelidikan dan penerbitan; dan meningkatkan visibiliti UPM pada peringkat antarabangsa, sekali gus membantu peningkatan *ranking* universiti.

Sebagai inisiatif untuk memantapkan sistem pengurusan MoU dan MoA serta menyahut agenda Melagang Kampus Pintar dan Pendigitalan, PSPK dengan kerjasama IDEC **telah membangunkan e-Sistem Pengurusan MoU/MoA Universiti bertujuan untuk membantu melancarkan proses permohonan kelulusan MoU/MoA/Perjanjian daripada PTJ serta pemantauan proses kelulusan oleh pihak Urus setia dan juga pengumpulan data aktiviti yang telah dijalankan bersama rakan MoU/MoA.** Antara kelebihan sistem ini adalah semua maklumat dan data kerjasama MoU/MoA dapat diakses dalam satu sistem yang bersepadu, di samping proses permohonan MoU/MoA dapat dipantau dengan lebih mudah.

MENGEKALKAN REPUTASI UPM SEBAGAI UNIVERSITI PALING LESTARI

Pengiktirafan UPM dalam *UI-Greenmetric World University Rankings* sebagai universiti paling lestari di Malaysia untuk tempoh 12 tahun berturut-turut, membuktikan bahawa kita ialah sebuah institusi yang mapan dan berdaya saing. Pencapaian ini suatu yang membanggkan kita, namun usaha kelestarian mesti diteruskan dari semasa ke semasa. **Baru-baru ini, UPM bakal memiliki sistem solar fotovoltaik (PV) dengan kapasiti 16.18 MWp, sekali gus mampu menjimatkan RM114 juta bil elektrik universiti itu dalam tempoh 25 tahun.** Sistem solar terbesar di universiti awam yang dilaksanakan oleh Tenaga Nasional Berhad (TNB) ini dilihat bukan sahaja dapat menjimatkan tenaga melalui skim Zero CAPEX, tetapi menjalinkan kerjasama penyelidikan dan jaringan industri, terutamanya bagi pembangunan modal insan dan pelaksanaan projek solar terapung. Syabas kepada pasukan Taskforce Suria dengan kerjasama Pejabat Timbalan Naib Canselor (Jaringan Industri dan Masyarakat) serta Pejabat Bursar dalam merealisasikan inisiatif ini.

Semua aspek hala tuju UPM, terutamanya dalam mendukung institusi kelestarian mapan seperti yang terkandung dalam Naratif Naib Canselor pada tahun lepas telah pun didokumenkan dalam Pelan Strategik UPM 2021-2025. Hala tuju ini perlu didokumenkan, dan penting agar ia menjadi lebih objektif, mudah diukur, dipantau serta dirujuk. **Sebagai permulaan, universiti juga telah bersetuju untuk membangunkan Pelan Struktur dan Tindakan Pembangunan Hijau dan Lestari UPM yang akan diterajui oleh Fakulti Reka Bentuk dan Seni Bina. Pelan ini akan dibangunkan pada tahun ini dan diguna pakai mulai 2023. Untuk mengukuhkan komitmen tersebut, kita juga akan melancarkan Polisi Kelestarian UPM pada tahun ini.** Semua inisiatif ini akan dipanjangkan lagi dengan melihat peluang pengewangan penjualan karbon atau *monetisation of carbon trading*.

Saya juga ingin menarik perhatian kepada Matlamat Pembangunan Mampan yang telah diperkenalkan oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) yang telah menggariskan tiga prinsip utama tadbir urus yang baik, iaitu keberkesanan, akauntabiliti dan keterangkuman. Justeru, saya berharap agar warga UPM dapat terus memelihara martabat dan kedudukan universiti sebagai menara ilmu yang mapan dan bereputasi antarabangsa, melalui budaya kerja berprestasi tinggi yang berpaksikan nilai integriti dan profesionalisme yang tinggi. Saya dengan penuh kesedaran ingin menzahirkan komitmen bahawa aspek tadbir urus, governan dan integriti akan terus menjadi tiang seri pentadbiran di UPM.

MEMUGAR CAKNA MENJULANG BAKTI

Usaha UPM memacu kecemerlangan institusinya perlu diseimbangkan dengan misi kemanusiaan. Dalam konteks di UPM, semua aktiviti kesukarelawanan diletakkan di bawah jenama **PUTRA**® Bakti. Kini, kita perteguhkan dengan Inisiatif **PUTRA**® Cakna yang menghulurkan bantuan dan sumbangan kepada mereka yang memerlukan, terutama dalam era pandemik COVID-19 dan musibah banjir yang berlaku baru-baru ini.

Untuk memperkukuh gerak kerja misi kemanusiaan ini, Jawatankuasa Sukarelawan staf UPM atau Sukarelawan PUTRA® Bakti ditubuhkan. Penubuhan jawatankuasa berperanan antaranya, memberikan nilai tambah kepada universiti dan staf UPM dalam memberikan khidmat kepada komuniti selain meningkatkan visibiliti UPM sebagai salah satu universiti yang terkehadapan dalam kesukarelawa. Untuk makluman semua, Pejabat Pendaftar dilantik menjadi peneraju Jawatankuasa Sukarelawan Staf UPM.

Bakti kita bukan sekadar kepada sesama manusia tetapi haiwan yang juga merupakan ciptaan Tuhan. Baru-baru ini, Fakulti Perubatan Veterinar, UPM bekerjasama dengan Persatuan Perubatan Veterinar Malaysia (MAVMA), Persatuan Doktor Veterinar Haiwan Kesayangan Malaysia (MSAVA) dan Jabatan Perkhidmatan Veterinar Selangor, telah menjalankan misi kecemasan dan perubatan untuk membantu haiwan yang terkesan dengan banjir di kawasan Taman Sri Muda, Shah Alam dan Taman Sri Nanding, Hulu Langat, Selangor. Misi ini mendapat perhatian banyak pihak, termasuk media. Tahniah saya ucapkan kepada Fakulti Perubatan Veterinar, UPM.

Berdasarkan penerimaan yang baik oleh masyarakat, UPM akan meneruskan misi kecemasan dan perubatan untuk membantu haiwan ini. **Pada masa akan datang, misi ini akan diupayakan dengan menggunakan klinik bergerak untuk program *pet passport*, pemeriksaan kesihatan dan vaksinasi haiwan kesayangan menyasarkan kawasan perumahan yang mempunyai ahli jawatankuasa rukun tetangga.** Selain itu, beberapa program kesedaran akan dianjurkan tentang bahaya penyakit zoonotik, seperti rabies kepada orang ramai dengan menggunakan klinik bergerak sebagai medium untuk hebahan.

MEMPERHEBAT PRAKARSA KESEJAHTERAAN KAMPUS

Melalui Naratif Naib Canselor tahun lalu, saya menekankan aspek kesejahteraan warga UPM. Untuk itu, UPM telah melaksanakan Bancian Suara Hati Putra untuk mendapatkan pandangan dan maklum balas warga UPM tentang fokus dan hala tuju UPM yang sewajarnya diberikan perhatian. Untuk meneruskan usaha murni ini, Indeks Kesejahteraan UPM 2021 telah dilaksanakan bagi tujuan mengukur kesejahteraan warga UPM untuk dijadikan rujukan kepada pihak berkepentingan UPM dalam merencanakan program dan inisiatif yang mampu mewujudkan persekitaran kerja yang lebih kondusif di kampus Serdang dan Bintulu. **Dapatan kajian indeks menunjukkan bahawa kesejahteraan keseluruhan staf UPM berada pada paras 75.81%. Angka ini sebenarnya suatu peningkatan berbanding dengan skor hanya 71% dalam kajian indeks sebelum ini.**

Domain penyumbang utama kepada kesejahteraan staf UPM merujuk -kecaknaan UPM dalam mengutamakan etika kerja dalam sistem operasi seharian Universiti, kebanggaan staf terhadap imej dan reputasi UPM sebagai universiti yang tersohor dalam dan luar negara, serta keprihatinan pengurusan UPM terhadap kepentingan mewujudkan keseimbangan antara kehidupan keluarga dengan kerja (work-life balance) dalam ekosistem sumber manusia UPM. **Domain yang memerlukan penambahbaikan untuk meningkatkan kesejahteraan warga UPM ialah penambahbaikan ekosistem kerja, peluang pembangunan kerjaya yang lebih jelas dan meluas serta pengurusan beban kerja secara tersusun dan terancang.**

Pegawai Akademik sekali lagi mencatatkan skor yang terendah seperti kajian lepas pada 2014 dan 2017. Hal ini wajar diperhalusi oleh pihak berkepentingan di UPM secara lebih mendalam bagi tindakan penambahbaikan khasnya dari segi ekosistem kerja. **Bagi penambahbaikan suasana kerja Pegawai Akademik yang lebih sejahtera, pengurusan universiti telah bersetuju memperakukan cadangan meminda peraturan kehadiran pegawai akademik di universiti. Dalam hal ini, pegawai akademik dibenarkan untuk *remote working* dan merakam kehadiran dari luar kampus untuk dua hari dalam seminggu manakala tiga hari selebihnya perlu hadir bekerja dan merekodkan dalam sistem perakam di universiti.** Sementara itu, untuk meningkatkan kesejahteraan dalam kalangan Pegawai Bukan Akademik dan Kumpulan Pelaksana, dapatan kajian menunjukkan bahawa adalah perlu bagi pengurusan UPM untuk melihat semula pada beban tugas, sistem kenaikan pangkat dan kemudahan perumahan untuk kakitangan.

Pusat Kesihatan UPM merekodkan perbelanjaan yang tinggi dalam kos perubatan melibatkan warga UPM yang menghidapi penyakit kronik. Hal ini juga selari dengan dapatan dalam kajian Indeks Kesejahteraan. Justeru, sudah tiba masanya bagi semua warga UPM untuk mengambil serius keperluan untuk membuat pemeriksaan perubatan dari semasa ke semasa. Setiap PTJ juga perlu menyediakan ruang untuk aktiviti riadah dan bersukan bagi pembudayaan gaya hidup yang sihat dan cergas dalam kalangan warga UPM. **Untuk membudayakan gaya hidup sihat dan cergas di UPM ini, Progran Sukan dan Riadah UPM akan diadakan setiap Rabu petang, bermula Mac 2022. Insya-Allah.**

TUAN PUAN DAN PUAN-PUAN,

Sepanjang dua tahun yang lepas, Hospital Pengajar UPM atau HPUPM telah mengurangkan perkhidmatan bukan-COVID-19, untuk menumpukan usaha membantu kerajaan menangani pandemik COVID-19. Dengan keadaan COVID-19 yang lebih terkawal, HPUPM telah bersedia untuk meningkatkan perkhidmatan bukan-COVID-19.

Bagi menampung kos operasi, HPUPM telah memulakan Perkhidmatan Rawatan Pakar Berbayar Penuh (**PUTRA**®*Specialist Care*-PSC) yang telah mula diperkenalkan pada akhir tahun 2021 dan akan dikembangkan pada tahun 2022. Matlamat jangka panjang usaha ini adalah untuk **memastikan bahawa HPUPM mempunyai asas kewangan yang mampan (*self-sustained*),** dan kurang kebergantungan pada peruntukan kerajaan. Sebagai permulaan, Wad Eksekutif HPUPM telah mula beroperasi sejak November 2021. Keseluruhannya sebanyak 28 buah katil disediakan dengan kadar caj antara RM100 - RM500 sehari bergantung pada jenis bilik yang dipilih.

Meskipun perlu mencari dana tambahan untuk menampung kos operasi, keperluan golongan asnaf dan yang kurang berkemampuan tidak akan diabaikan. Justeru, HPUPM mempunyai perancangan untuk mewujudkan Model Kewangan yang tersendiri apabila Tabung Waqaf/*Endowment* dan Skim Insurans Khas diwujudkan untuk menampung keperluan golongan ini. **Model Kewangan Khas ini dinamakan HPUPM - Hospital Pengajar Mampu Biaya.** Tahun 2022 ini, HPUPM akan memulakan gerak kerja untuk mengisi Tabung Waqaf/*Endowment* HPUPM yang telah diwujudkan sebelum ini. Sumbangan yang diperoleh akan digunakan untuk mewujudkan model kewangan yang mampan untuk memastikan kesinambungan dan kelestarian operasi HPUPM.

Selain itu, untuk menyokong usaha kelestarian dan kampus hijau, HPUPM bertekad untuk membangunkan indeks bagi tujuan, merealisasikan hospital kita ni sebagai **sebuah Hospital Hijau sebagai menyokong UPM dalam Membudayakan Amalan Kelestarian Hijau.** Perancangan yang telah dan akan dilaksanakan untuk tujuan ini, antaranya termasuk pemasangan Panel Solar untuk Menjanakan Tenaga Elektrik, memupuk kesedaran keperluan dan langkah-langkah penjimatan air serta elektrik dalam kalangan staf dan orang ramai, dan pengurusan sisa bahan makanan menjadi biogas atau *biofertilizer* menggunakan *Mini Anerobic Digester System*.

Penularan pandemik telah memaksa kita di UPM melaksanakan amalan Bekerja Dari Rumah (BDR) bagi penerusan kesinambungan perkhidmatan yang disediakan. Dalam hal ini, pengurusan risiko telah menjadi aspek yang sangat penting untuk menjamin keselamatan staf dan pelajar, di samping meneruskan kesinambungan perkhidmatan universiti. Pada tahun ini, untuk memantapkan proses pengurusan dan pencegahan risiko, **PSPK akan membuat semakan dan menerbitkan Buku Garis Panduan Pengurusan Risiko 2022.** Justeru, saya memohon agar semua warga UPM memberikan perhatian serius dalam proses pengurusan risiko, terutamanya dalam soal pencegahan agar kita dapat meneruskan kesinambungan perkhidmatan tanpa sebarang masalah dan gangguan.

Kesejahteraan warga UPM juga banyak dijayakan oleh sistem tadbir urus yang moden dan terkini. **Mengambil manfaat arus pendigitalan, Transformasi Aplikasi Sumber Manusia (HRT) telah dibangunkan dalam tiga (3) Fasa.** Ia bertujuan menggantikan sistem e-IHRAMS yang telah lama digunakan. Transformasi ini melibatkan pembangunan semula 58 sistem/proses dan penambahan proses/modul yang baharu serta mewujudkan Pangkalan Data Bersepadu Sumber Manusia untuk memudahkan integrasi antara data utama sumber manusia dengan sistem sokongan yang lain. Transfomasi HRT ini turut mengambil kira proses pengurusan bakat dan pelan penggantian berasaskan kompetensi. Pelaksanaan transformasi ini dijangka akan meningkatkan kecekapan pengurusan sumber manusia secara keseluruhan.

Selain itu, sistem pengurusan pengambilan pekerja baharu telah mula diguna pakai mulai tahun 2021, bermula dengan iklan pada Jun 2021, proses saringan dan panggilan temu duga. Portal temu duga yang terdapat dalam sistem ini telah memudahkan panel temu duga membuat penilaian dan pelarasan markah untuk menentukan calon yang berjaya. Begitu juga dengan sistem yang lain yang telah diguna pakai, yang memudahkan Pejabat Pendaftar menguruskan sumber manusia kerana sebelum ini kebanyakannya dilaksanakan secara manual telah diubah kepada pengurusan secara digital.

MEMBINGKAS PENDANAAN UNIVERSITI

Kelestarian UPM akan diperkasakan dengan usaha pendanaan yang strategik dan berimpak tinggi. **Dalam hal ini, UPM akan memulakan projek PUTRA® Medical City.** Projek selama 37 tahun, dengan *Gross Development Value* (GDV) berjumlah RM1.4 bilion dan kadar pulangan pelaburan (IRR) adalah sebanyak 5.5%. Di akhir projek, UPM bakal mendapat pulangan dalam bentuk aset bernilai melebihi RM3.4 bilion. **PUTRA®** Medical City terletak di sempadan UPM dan pembangunan di atas 86 ekar tanah ini menjadikannya sebagai sebuah perkembangan perubatan yang signifikan di kawasan tersebut. **PUTRA®** Medical City bakal mewujudkan kawasan yang dapat membantu dalam pembangunan dan bukan sahaja cita-cita, malah tradisi dan inovasi untuk masa hadapan juga dapat dibangunkan. Pembangunan ini meliputi pelbagai kemudahan, seperti pusat pemulihan perubatan, makmal penyelidikan dan pembangunan, kawasan kediaman, sukan dan rekreasi, hotel dan ruang-ruang perniagaan lain yang berkaitan dengan industri kesihatan.

Pembangunan ini tidak hanya bertujuan untuk melengkapkan Kompleks Perubatan yang sedia ada, tetapi juga mementingkan perkembangan bidang kesihatan dan perubatan negara ini, terutamanya dengan terlahirnya integrasi antara IOI Resort City, Hospital Serdang dan Hospital UPM yang bersama-sama melengkapkan dan menaikkan reputasi kampus UPM secara keseluruhannya. **PUTRA®** Medical City yang berkeluasan 250 ekar akan menjadi pusat perubatan dan kesihatan terbesar di negara ini, apabila keseimbangan antara ekosentrik dalam memelihara habitat semula jadi dengan pusat kemanusiaan dalam menyediakan suasana pekerjaan akan kekal menjadi dasar utama bagi melahirkan masyarakat yang harmoni.

Selaras dengan hasrat Y.B. Menteri Pengajian Tinggi, setiap Universiti Awam Holdings akan dipantau prestasinya melalui *Dashboard* Pemantauan UA Holdings. Justeru, dalam hal ini, besarlah harapan saya agar UPM Holdings dapat memberikan pulangan yang positif kepada sumber kewangan universiti dan mengurangkan kebergantungan universiti awam kepada dana kerajaan. **Pada masa yang sama, satu perekayasaan dalam UPM Holdings sedang giat dilaksanakan untuk memastikan bahawa entiti penting universiti ini dapat memberikan pulangan yang lebih bermakna kepada pendanaan UPM.**

Aktiviti pendanaan universiti turut dijayakan dengan penjualan *Gold Bar* UPM sempena sambutan 50 tahun UPM. Projek ini telah dilaksanakan pada Ogos 2021 di bawah Pusat Perhubungan Alumni dengan kerjasama Pejabat Bursar UPM. Sebanyak 600 unit telah terjual dengan harga jualan RM350/seunit dengan pendapatan sebanyak RM210 ribu. **Memandangkan sambutan jualan gold bar amat memberangsangkan, UPM bersetuju untuk meneruskan penjualan gold bar fasa kedua sehingga 30 Jun 2022 dengan mengekalkan harga jualan gold bar RM350/seunit bagi 1gram emas, serta menawarkan potongan gaji kepada staf.**

Dalam hal ini, UPM akan memulakan projek PUTRA® Medical City. Projek selama 37 tahun, dengan *Gross Development Value* (GDV) berjumlah RM1.4 bilion dan kadar pulangan pelaburan (IRR) adalah sebanyak 5.5%.

MELIBAT SAMA ALUMNI UNTUK KELANGSUNGAN UNIVERSITI

Menyantuni semangat berbakti alumni sama menuntut sifat kedermawanan alumni untuk menyumbang kembali kepada universiti menerusi sumbangan penajaan biasiswa dan bantuan kewangan kepada pelajar UPM. Justeru, dalam melunasi amanah yang dipertanggungjawabkan, Pusat Perhubungan Alumni telah mengurus kendali 15 biasiswa yang masih aktif yang ditaja oleh alumni UPM. Usaha untuk memperoleh biasiswa baharu, sama ada melalui alumni perseorangan ataupun secara berkumpulan/berkelompok (Persatuan, Chapter, *Shared Interest Group*s (SIGs) terus dipergiat sebagai tanda solidariti warga alumni membantu para pelajar UPM yang memerlukan. Pada 2021, sebanyak lapan (8) penawaran biasiswa baharu berjaya dilaksanakan, iaitu Biasiswa Chapter Cyperus'92, Biasiswa TMJ, Biasiswa Amco Niaga, Biasiswa Kolej Tiga (BAKTIGA), Biasiswa Agrisc' 94, Biasiswa Menteri Besar Selangor, Biasiswa Pertubuhan Kebajikan Salak dan Biasiswa Nuaim Corporation. **Saya berharap, lebih ramai alumni UPM dapat membantu, sebagai sumbangsih mereka kepada alma mater yang dicintai ini selaras dengan hasrat Duli Yang Maha Mulia Tuanku Canselor.**

Justeru, dalam melunasi amanah yang dipertanggungjawabkan, Pusat Perhubungan Alumni telah mengurus kendali 15 biasiswa yang masih aktif yang ditaja oleh alumni UPM.

Mendepani cabaran pandemik COVID-19 turut menuntut semangat kebersamaan alumni antarabangsa menyumbangkan pakej makanan berjumlah RM30,000.00 yang disalurkan kepada para pelajar antarabangsa UPM. Seiring itu, satu projek rintis UPM Prihatin: Bantuan Peranti dan Pelan Data dengan jalinan kerjasama Bahagian Hal Ehwal Pelajar (BHEP), Pusat Pengurusan Wakaf, Zakat dan Endowmen (WAZAN), Pusat Pembangunan Maklumat dan Komunikasi (iDEC) dan Pejabat Bursar diserahkan kepada pelajar UPM yang layak menerima bantuan. Pusat Perhubungan Alumni kini masih aktif merealisasikan program UPM Cakna: *Heart to Heart* (H2H), iaitu sasaran 50 bantuan peranti dan pelan data untuk diberikan kepada pelajar UPM kumpulan B40, dan asnaf yang bakal membantu mereka dalam proses pembelajaran secara dalam talian.

Alumni berperanan sebagai pakar rujuk menerusi sumbangan kepakaran, idea dan buah fikiran dalam memberikan maklum balas terhadap kurikulum program pengajian untuk memastikan bahawa hala tuju sesuatu program pengajian yang ditawarkan oleh UPM mempunyai nilai, dan relevan dengan kehendak pasaran kerja kini. Pelaksanaan 28 siri program Sejam Bersama Alumni (SEBA) secara dalam talian, membuka satu landasan untuk alumni kembali berkongsi pengalaman dan kepakaran mereka. Selain itu, dengan jalinan kerjasama Majlis Perwakilan Pelajar UPM sesi 2020/2021 menyaksikan satu program antarabangsa berjaya dilaksanakan, iaitu *International Forum for COVID-19 Aftermath* (IFOCA).

HADIRIN SEKALIAN,

Alumni merupakan duta UPM seantero dunia dan bertanggungjawab untuk menjaga nama baik universiti walaupun di mana mereka berada. Melalui usaha itu, kerjasama yang bersepadu bersama Persatuan Alumni UPM (PAUPM) menyaksikan pelbagai program dan aktiviti berjaya direalisasikan dalam satu semangat perpaduan yang utuh antara Pusat Perhubungan Alumni dengan Persatuan Alumni UPM. Antaranya, program sanitasi masjid, Musaadah Ramadan. Program ini termasuk **PUTRA**®biz@Alumni dengan penajaan *buggy* oleh alumni UPM bagi kegunaan *Chapter Student Ambassador* (CSA) dalam menjalankan aktiviti keusahawanan pelajar. Kerakanan dan kekitaan yang ditunjukkan oleh Alumni UPM telah membawa satu kejayaan besar dalam penganjuran program kecergasan maya, iaitu UPM *Alumni Golden Fit* 2021. Menerusi penyertaan terbesar alumni, iaitu 6,203 itu telah melayakkan program ini disenaraikan dalam ***The Malaysia Book of Records*** **(MBOR)**. Kejayaan bersejarah itu membawa kepada kejayaan pembinaan **Arca 50 Tahun UPM** berhadapan Pusat Kebudayaan dan Kesenian Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah (PKKSSAAS) dengan kos pembinaan diperoleh melalui sumbangan para alumni.

Selain itu, alumni bertindak sebagai ejen penyebaran ilmu dan memberikan nilai tambah kepada pelajar UPM melalui perkongsian ilmu dan pengalaman dalam proses membina lapangan kerjaya. Kepakaran alumni, khususnya dalam sektor pertanian negara diperlukan dalam melonjakkan keunggulan UPM dalam bidang pertanian, sejajar dengan strategi utama UPM untuk Memacu Pertanian Berteknologi Tinggi. Kejayaan Program *Agro Alumni Industry Mentoring and Coaching* (AIMAC) dalam projek penanaman *Rock Melon* hasil perkongsian ilmu daripada alumni kepada pelajar telah membuka peluang satu lagi projek besar pada 2021, iaitu Projek MegaChili 2021. Dengan menekankan konsep 'Alumni sebagai Ejen Penyebaran Ilmu', sebanyak lima (5) siri bengkel perkongsian ilmu daripada alumni kepada para peserta Projek MegaChili 2021 telah berjaya diadakan secara dalam talian. Kelima-lima siri menampilkan perkongsian ilmu daripada para alumni yang pakar dalam bidang pertanian.

Usaha melibat sama alumni memerlukan satu sistem jaringan dan rangkaian hubungan yang kukuh sesama mereka. Justeru, pembinaan **Sistem Maklumat Alumni (AIS)** bertepatan dalam mencapai hasrat tersebut. Portal ini dibangunkan oleh Pusat Perhubungan Alumni dengan kerjasama IDEC bertujuan mengumpulkan dan mengemaskinikan data dan profil alumni UPM secara lebih komprehensif dan efisien. Laman portal ini akan memastikan bahawa maklumat dan profil alumni sentiasa bersifat terkini, aktif dan mudah untuk dihubungi bagi tujuan hebahan dan publisiti pelbagai program/aktiviti anjuran UPM. Pelaksanaan program Menggamit Seribu Kenangan : Alumni Reunion (MEKAR) merupakan satu manifestasi Pusat Perhubungan Alumni dalam mengumpulkan alumni untuk kembali menyumbang kepada Alma Mater. Menerusi MEKAR. tubuhnya Chapter Alumni OKU, Chapter Sastera dan Budaya, dan mengumpulkan semula rakan alumni dalam Serdang Bees dan Serdang Angels. Menerusi program ini, alumni dapat kembali menyumbang dalam Kempen 1 Alumni 1 Sumbangan Ringgit (1A1SR).

Pada 2022, dengan laungan semangat Alumni Pemangkin Kecemerlangan UPM, satu lagi projek besar dan bakal mencipta sejarah dengan menakluk Puncak Everest. **Encik Ravichandran Tharumalingam (Alumni Kelas 1990) bakal membawa UPM di Puncak dunia@Everest dalam Misi Ekspedisi UPM@Everest yang bermula pada pertengahan Mac dan berakhir pada Julai 2022.** Setiap detik perjalanan bersejarah ini warga UPM boleh mengikutinya secara live di tiktok@UniPutra yang akan merakam dan mendokumentasikan setiap perjalanan menuju ke Puncak Everest. Misi ini sebagai suatu manifestasi dan simbolik bagi merealisasikan semangat keberanian UPM dan warganya bersama-sama bergerak sederap untuk mencapai puncak kejayaan. Syabas dan selamat maju jaya saya ucapkan. Pada kesempatan ini, saya mengajak warga UPM untuk sama-sama mendoakan agar usaha beliau dalam misi membawa UPM ke puncak dunia beroleh kejayaan dan kembali ke tanah air dengan selamat.

SAMBUTAN 50 TAHUN UPM

Pada tahun ini, kita masih meneruskan Sambutan Jubli Emas 50 Tahun UPM di bawah sekretariat utama Pusat Perhubungan Alumni. Sambutan ini dilihat bertepatan dalam usaha kita menghargai aspirasi kecemerlangan dan kejayaan semua pihak di UPM. Ia juga menggambarkan semangat gigih, keteguhan dan iltizam warga kampus sepanjang tempoh 50 tahun pembangunan universiti, dalam usaha merealisasikan visi UPM sebagai sebuah universiti bereputasi antarabangsa.

Sepanjang 2021, beberapa aktiviti telah dilaksanakan, seperti UPM Bermunajat, UPM Alumni *Golden Fit*, Pameran 50 Tahun UPM, Ekspo Jaringan Industri dan Masyarakat (JINM), Tautan Kasih Semaian Budi UPM Kampus Bintulu, Majlis Pelancaran Pelan Strategik 2021-2025: Evolusi Keunggulan 50 Tahun UPM, Cenderahati Kenangan Emas Peringatan 50 Tahun UPM, Cenderahati Jualan Persatuan Alumni UPM (PAUPM), Cenderahati Jualan Setemku Korporat, Golf Amal 50 Tahun UPM, Gema Simfoni 50 Tahun UPM dan pelbagai lagi program/projek lain. Pusat Tanggungjawab (PTJ) dalam usaha merancakkan Sambutan 50 Tahun ini.

UPM tentunya sangat menghargai usaha dan semangat warganya dalam menyemarakkan Sambutan Jubli Emas 50 Tahun ini dengan perlanjutan tempoh masa sambutan ke tahun 2022 agar pelbagai program/projek yang sedang dirangka dapat direalisasikan. Baru-baru ini, UPM telah melancarkan Arca Jubli Emas 50 Tahun UPM, Buggy **PUTRA**®biz@Alumni, Sistem Maklumat Alumni (AIS), dan kemuncak Sambutan Jubli Emas 50 Tahun UPM pada tahun ini ialah Majlis Makan Malam Amal Sirih Pulang Ke Gagang @ *Homecoming* Ke-11, 2022 yang bakal menyaksikan pelancaran dua (2) penerbitan buku *Coffee Table* iaitu *50 Jewels of UPM* dan *The Three Founding Faculties "Spurring the Glories of UPM"*. **Untuk makluman semua, kita juga akan meneruskan usaha pembinaan Menara Jam dengan penjajaran semula terhadap kos dan reka bentuk agar dapat segera dimulakan untuk manfaat kita bersama.** Sokongan daripada semua pihak, warga UPM dan alumni ditagih bagi merealisasikan satu lagi mercu tanda UPM dibina.

UPM tentunya sangat menghargai usaha dan semangat warganya dalam menyemarakkan Sambutan Jubli Emas 50 Tahun ini dengan perlanjutan tempoh masa sambutan ke tahun 2022 agar pelbagai program/projek yang sedang dirangka dapat direalisasikan.

KENYATAAN DAN SERUAN

Kenyataannya
Kita telah pun mencapai
Segala apa yang telah direncanakan
Sepatah kata, syukur Alhamdulillah.

Wajar disebutkan
Seluruh ini bukan sesuatu yang mudah
Kerana kita ada keiltizaman
Asas kekuatan pada hakikat
Sederap kita seiring sentiasa
Kita pacu tuju dan tiba
Di hujung perjuangan
Memetik manisnya kegemilangan.

Kita telah di tangga jaya
Terulung pula di Asia
Ribuan penyelidikan tercipta
Ribuan juga penulisan memercukan akademia
Di sana sini mengisi kerangka jaya
Tujuh penjuru angin menabur mulia, kita laungkan al-Falah
Kesarjanaan dan kepakaran bertali arus dipinta
Harum nama institusi melebar sayapnya
Kebitaraan diiktiraf
UPM bukan hanya penyedia akan tetapi pelaksana
Selebihnya, kita pencetus dan sumber inspirasi jagat inovasi
Kehadiran kita sentiasa dirasai.

Menginsafi diri, kita tak mungkin tiba di garis ini
Tanpa perancangan rapi, tanpa persediaan terperinci dan oleh kesedaran hakiki
Ada prakarsa yang dibajai ada kebersamaan membahui
Takkan mudah mengharung perjuangan seandai pengorbanan tak mengukuhi
Seruan lipatgandakan usaha dan upaya
Gigihkan teroka dan melihat ke hadapan menjitu agenda
Tak tergelincir matlamat kita, Insya-Allah Maha Kuasa mendengari doa
Al-Falah landasan kita
Menjana kudrat dan manusiawi
Kita jelas kita tegas di sasaran-tuju
Menggenggam kejap berhemat
Falsafah kita di institusi keramat.

Kepadamu, setiap warga kasihku
Sentiasalah akan kita di dakapan rahmat
Di perlindungan oleh dijanjikan selamat
Terima kasih, anda semua di kenyataan serba mengagumkan
Kita di rentas zaman, sekali lagi dengar kataku:
Bersama laungkan al-Falah
UPM dan seluruh anak bangsa
Serta mereka di mana-mana pun jua yang membawa obor insani jiwa
Kekal utuh menjulangi puncak, di jernih kebaktian dalam semerbak taqwa.

DR. LIM SWEE TIN

PENUTUP

Visibiliti UPM sebagai sebuah universiti penyelidikan tersohor di negara banyak dibantu oleh advokasi awam di media yang dijayakan oleh staf universiti melalui pelbagai bidang kepakaran. Melalui penulisan dan perkongsian kepakaran yang mempunyai nilai berita tinggi, UPM kekal menjadi sebuah institusi keilmuan yang sentiasa dirujuk, dihormati dan relevan. **Pada hari ini, kita akan memberikan pengiktirafan kepada staf yang saya sifatkan sebagai intelek awam UPM, yang giat menjayakan advokasi awam di media, dengan memberikan pencerahan kepada masyarakat dan pihak berkepentingan yang lain.** Tahniah saya ucapkan kepada para pemenang. Saya berharap lebih ramai staf UPM dapat bersama-sama menjayakan advokasi awam di media melalui pemindahan ilmu kepakaran masing-masing.

Menyimpan lada di dalam peti,
Lada dimasak bersama udang;
Hidup kita biar berbakti,
Hingga mati dikenang orang.

Lebih satu jam pengucapan naratif ini, saya telah menawarkan 11 aspirasi penting, iaitu Menakhoda Pertanian dan Pusat Rujukan Pengembangan, Melahirkan Pelajar sebagai Sosok Warganegara yang Baik, Merealisasikan Kampus Pintar, Memartabat Penyelidikan untuk Negara, Menjuarai Universiti untuk Masyarakat, Merancakkan UPM Global, Mengekalkan Reputasi UPM sebagai Universiti Paling Lestari, Memugar Cakna, Menjulang Bakti, Memperhebat Prakarsa Kesejahteraan Kampus, Membingkas Pendanaan Universiti dan Melibat sama Alumni untuk Kelangsungan Universiti. Besarlah harapan saya agar perkongsian aspirasi dalam Naratif Naib Canselor ini dapat dihayati oleh semua warga. **Saya percaya, dengan kerjasama dan semangat solidariti yang tinggi, kita boleh sederap melangkah menuju al-Falah, seperti tema naratif pada tahun ini.**

Baru-baru ini, kerajaan telah mengumumkan **kemasukan pelajar institut pengajian tinggi (IPT) di bawah Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) kembali ke kampus secara berperingkat mulai 1 Mac ini, dengan kapasiti 70 peratus hingga 100 peratus**. Seperti biasa, UPM sentiasa memastikan pelaksanaan tindakan dan pematuhan prosedur operasi standard (SOP) yang ketat dalam memastikan kesejahteraan Keluarga UPM kembali ke Menara Ilmu ini.

Akhirulkalam, saya ingin mengambil kesempatan di sini untuk mengucapkan terima kasih dan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua pihak yang menjayakan pelaksanaan Naratif Naib Canselor kali ini, khususnya kepada kumpulan penulis yang rancak mencanai idea dan menggali fakta untuk membantu saya menyediakan naratif kali ini. Terima kasih juga kepada semua warga UPM yang telah sama-sama mengikuti Naratif Naib Canselor ini, baik di dewan mahupun dalam talian. Saya sangat menghargai komitmen tinggi anda sekalian.

Semoga Allah memberkati dan merahmati atas segala usaha yang kita lakukan. Sekian, terima kasih. *Wassalamualaikum, warah matullahi wabarakatuh.*

SENARAI JAWATANKUASA PENYEDIAAN TEKS NARATIF NAIB CANSELOR TAHUN 2022

PENGERUSI

YBhg. Prof. Dato' Dr. Abdul Mua'ti @ Zamri Ahmad
Dekan, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi

TIMBALAN PENGERUSI

Prof. Madya Dr. Mohd Izani
Timbalan Pengarah, Pusat Strategi dan Perhubungan Korporat

EDITORIAL

YBhg. Prof. Dato' Dr. Abdul Mua'ti @ Zamri Ahmad
Dekan, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi

Prof. Madya Dr. Mohd. Izani
Timbalan Pengarah, Pusat Strategi dan Perhubungan Korporat

Prof. Madya Dr. Salmah Jan Noor Muhammad
Ketua Jabatan Bahasa Melayu
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi

Puan Noorizai Mohamad Noor
Ketua Pentadbiran, Pejabat Naib Canselor

SIDANG PENGARANG

Prof. Madya Dr. Nur Azura Adam
Dekan, Fakulti Pertanian

Prof. Dr. Shahrul Razid Sarbini
Pengarah, UPM Kampus Bintulu

Prof. Madya Dr. Arba'ie Sujud
Pengarah, Pusat Perhubungan Alumni

Prof. Dr. Shamsul Bahri Md Tamrin
Pengarah, Pusat Hubungan dan Jaringan Industri (CiRNeT)

Prof. Madya. Dr. Siti Zaharah Sakimin
Pengarah, Taman Penyelidikan Universiti (TPU)

Prof. Madya Ts. Dr. Fatimah Sidi
Pengarah, Pusat Pembangunan Maklumat dan Komunikasi (iDEC)

Encik Noor Mohamad Shakil Hameed
Timbalan Pengarah, Pusat Strategi dan Perhubungan Korporat

Encik Abdullah Arshad
Ketua Pentadbiran, Pejabat Naib Canselor (HEPA)

Encik Bukryman Sabri
Felo Bersekutu Pejabat Naib Canselor

KONSEP DAN REKA BENTUK

Prof. Ir. Ts. Dr. Mohamed Thariq Hameed Sultan
Pengarah, Pusat Penerbit

Encik Abd Razak Ahmad
Encik Arafat Mashhuri Awang
Puan Hani Farahin Ismail
Puan Jamak Aton Habi Mahmood
Pereka, Pusat Penerbit

FOTOGRAFI

Puan Marina Ismail
Jurufoto Universiti Putra Malaysia

SETIAUSAHA

Encik Sharudin Sahrani
Ketua Bahagian Pejabat Naib Canselor

SEKRETARIAT

Encik Mohammad Nazry Hisham
Ketua, Seksyen Pengurusan Penerbitan dan Rekod

Puan Nurainakmal Kamal Bahrin
Puan Hazrina Sello
Puan Sarina Mad Suri

TAJUK: SERUAN AL-FALAH

Verse 1
Disini lahirnya persona kejora,
Mewarnai segenap ruang arena,
Tidak luntur semangat membara,
Segalanya untuk Varsiti tercinta.

Verse 2
Ke bukit bersama didaki,
Ke lurah sama dituruni,
Ilmu diteroka bersama dikongsi,
Uniputra terus terbang tinggi.

Chorus 1
Seruan al-Falah terus bergema,
Lima matlamat teras utama,
Menara Ilmu diperkasa,
Berilmu Berbakti untuk selamanya.

Chorus 2
Visi dan misi kita sematkan,
Mencapai hasrat juga impian,
Semboyan telah dibunyikan,
Mengorak langkah cipta kejayaan.

Komposer : Mohd Khairul Zainal Abidin (KD)
Lirik : Dr Abdul Hadi Samsi (Hadis S)
Penyanyi : Adidi Tamin, Nor Ilmie Nazarudin